

BAB 2

KAJIAN TERDAHULU

2.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan tentang penggunaan kiasan Melayu dalam kehidupan harian. Sememangnya, bahasa kiasan merupakan salah satu entiti yang penting dalam cabang bahasa. Hal ini selari dengan kepentingan aspek bahasa dan gaya bahasa dalam bidang pengucapan awam. Justeru, pengkaji akan menunjukkan bagaimana bahasa kiasan dapat memainkan peranan yang besar dalam menjayakan sesuatu ucapan. Seterusnya, kajian ini akan menghubungkaitkan kepentingan kiasan Melayu dan keperluannya dalam bidang pengucapan awam. Ini memandangkan bidang pengucapan awam merupakan satu medan penting bagi para pengucap khususnya barisan pemimpin negara untuk menyampaikan objektif individu, kumpulan, organisasi dan kerajaan.

Umum mengetahui bahawa bahasa kiasan merupakan unsur gaya bahasa dan gaya bahasa pula merupakan salah satu komponen kajian struktural dalam bidang kritikan sastera. Aspek struktural yang biasa dikaji adalah kajian tentang tema, plot, watak dan perwatakan, sudut pandangan, teknik dan gaya bahasa. Kebanyakan para pengkaji sastera di Malaysia seperti Hashim Awang, Rahman Shaari, Abdullah Hussain dan lain-lain lagi dilihat cenderung kepada kajian berbentuk struktural, psikologi dan sosiologi. Walaupun bahasa kiasan termasuk dalam gaya bahasa namun tidak ramai pengkaji yang membuat kajian mengenainya secara mendalam dan menyeluruh. Para pengkaji dilihat lebih cenderung mengungkap persoalan

tersirat yang terdapat dalam sesuatu kiasan dan mengaitkannya dengan aktiviti-aktiviti sehari-hari masyarakat pada zaman itu. Begitu juga dalam bidang pengucapan awam, pengkaji mendapati kebanyakan sarjana komunikasi ada menekankan aspek bahasa tetapi tidak memberikan tumpuan terhadap keberkesanannya pemilihan perkataan-perkataan terutamanya yang berbentuk halus dan sopan seperti kiasan Melayu.

Ketajaman kiasan Melayu telah ditunjukkan sebagai satu faktor penting dalam komunikasi orang Melayu tetapi peranannya dari sudut pengucapan awam tidak ditonjolkan. Oleh yang demikian, sorotan dan pandangan daripada pengkaji-pengkaji yang lepas akan bertindak sebagai pemangkin dalam usaha mengetengahkan penggunaan kiasan Melayu bukan sahaja di negara sendiri bahkan di peringkat antarabangsa. Kiasan Melayu dilihat mampu memberikan kesan atau mesej yang kekal dalam diri individu. Dalam bab ini juga pengkaji akan menghuraikan tiga elemen utama iaitu:

1. Kiasan Melayu lambang kesopanan dan kehalusan budi pekerti.
2. Kiasan Melayu lambang pemikiran kreatif dan kebijaksanaan masyarakat pendukungnya.
3. Peranan bahasa dalam bidang pengucapan awam.

2.1 Kiasan Melayu Lambang Kesopanan dan Kehalusan Budi Pekerti

Orang Melayu mempunyai nilai rasanya yang tersendiri dan mereka menilai sangat tinggi terhadap budi bahasa. Orang yang berbudi bahasa, berbudi mulia dan bersopan dalam berbahasa diberi nilai yang sangat tinggi. Orang yang tidak berbudi

bahasa dan bercakap dengan cara yang tidak sopan dianggap berperangai rendah, tidak berbudi dan dikatakan kurang ajar atau biadab. Ketinggian nilai budi bahasa dalam masyarakat Melayu boleh dilihat dari pelbagai ungkapan dalam persuratan Melayu lama seperti pantun, syair, peribahasa dan sebagainya (Amat Juhari Moain, 2001:63). Dalam hal ini, kiasan Melayu memenuhi ciri-ciri yang digariskan iaitu merupakan bahasa sindiran yang halus dan sarat dengan pengajaran. Oleh yang demikian, kiasan Melayu berfungsi sebagai lambang kesopanan dan kehalusan budi pekerti masyarakat pendukungnya.

Abdullah Hassan (1993:907-913) mentakrifkan bahasa kiasan atau analogi sebagai ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak dapat diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susun tatabahasanya. Menurut beliau, konsep-konsep dan penggunaan istilah kiasan adalah berbeza di kalangan pengarang bahasa. Abdullah Hassan seterusnya telah menunjukkan perbezaan itu dan mengelompokkan bahasa kiasan kepada dua golongan utama iaitu kiasan jenis peribahasa dan kiasan bukan peribahasa. Kiasan jenis peribahasa terdiri daripada perumpamaan, bidalan, simpulan bahasa dan pepatah manakala jenis bukan peribahasa terdiri daripada personafikasi, metafora dan hiperbola.

Mohamad Shahidan (1999:19) dalam kajiannya menerangkan bahawa bahasa kiasan bukanlah salah satu bentuk bahasa yang baru muncul dalam masyarakat Melayu. Bentuk bahasa ini telah wujud sejak masyarakat Melayu belum mengenal huruf lagi. Dalam hubungan ini, puisi-puisi Melayu lama seperti pantun, perumpamaan dan bahasa berirama yang terdapat dalam cerita-cerita lipur lara Melayu yang disampaikan secara lisan turut menerapkan bahasa kiasan. Misalnya,

penerapan unsur kiasan dalam puisi boleh menjadikan puisi tersebut lebih segar, indah dan memberi kesan yang mendalam kepada pendengar.

Mohamad Shahidan turut menjelaskan bahawa ciri terpenting pada bahasa kiasan ialah perbandingan sama ada dengan menyebut ataupun tidak objek yang dijadikan bandingan itu. Walau bagaimanapun, tidak semua objek yang dibandingkan itu dapat digolongkan sebagai bahasa kiasan kerana ada perbandingan yang tidak dapat digolongkan sebagai bahasa kiasan. Misalnya, bandingan biasa yang lurus tidak mengandungi kiasan. Ini jelas kelihatan melalui kata-kata, “Suara Husna seperti suara Amah” atau “Wajah Nabihah seperti wajah Suhaila.” Kedua-dua contoh bandingan itu tidak tergolong dalam bahasa kiasan kerana kedua-duanya terdiri daripada kelas kata yang sama atau setara.

Dalam kajiannya, Mohamad Shahidan telah menunjukkan perbezaan di antara perumpamaan dan bidalan. Menurut beliau, perumpamaan boleh bertukar menjadi bidalan sekiranya pada awal perumpamaan itu didahului dengan perkataan “jangan”. Perumpamaan “*seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang, batangnya patah, hinggap ke ranting, rantingnya patah*”, tergolong dalam peribahasa. Namun perumpamaan tersebut akan menjadi bidalan jika dikatakan “*jangan seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang, batangnya mati, hinggap ke ranting, rantingnya patah*”. Pada perkataan “jangan” itu dikatakan mungkin terdapat unsur nasihat dan sindiran yang selalunya terdapat pada bidalan.

Seterusnya, Mohamad Shahidan (1999:20) telah mengetengahkan kajian dan pendapat yang dibuat oleh Gorys Keraf dalam bukunya Diksi dan Gaya Bahasa (1988). Gorys menjelaskan bahawa gaya bahasa kiasan dibentuk berdasarkan perbandingan atau persamaan. Dalam hal ini, membandingkan sesuatu dengan

sesuatu yang lain bererti cuba menemukan ciri-ciri yang menunjukkan kesamaan antara kedua-dua hal tersebut. Terdapat tiga langkah untuk memerhatikan sama ada bandingan yang dilakukan itu bersifat bahasa kiasan ataupun perbandingan langsung. Pertama, menetapkan dahulu kelas bagi kedua-dua barang atau hal yang akan diperbandingkan itu. Kedua, perhatikan tingkat kesamaan atau perbezaan antara kedua-dua hal tersebut. Ketiga, perhatikan konteks ciri-ciri kedua-dua hal itu apabila diketemukan. Jika tidak ada kesamaan maka perbandingan itu adalah bahasa kiasan.

Pandangan yang diberikan oleh Abdullah Hassan iaitu konsep-konsep dan penggunaan istilah kiasan adalah berbeza di kalangan pengarang ternyata benar. Ini termasuklah kajian yang dibuat oleh Za'ba dalam bukunya Ilmu Mengarang Melayu (1965), di mana beliau menggunakan istilah bahasa sindiran sebagai merujuk kepada kiasan Melayu. Menurut Za'ba, bahasa sindiran ialah bahasa yang ditujukan kepada seseorang tetapi maksudnya tidak disebut dengan tepat sebaliknya hanya disinggung dengan membuat kiasan sahaja atau ditujukan kepada perkara lain semata-mata kerana tidak suka menyebut perkara tersebut secara terang-terangan.

Pentakrifan ini adalah bertepatan dengan kehidupan masyarakat Melayu zaman dahulu yang terkenal dengan sopan-santun dan berbudi bahasa. Mereka mementingkan peradaban dan menjaga batas pergaulan anak-anak. Ini termasuklah menjaga tutur kata di mana masyarakat dahulu sangat bimbang sekiranya kata-kata yang diucapkan akan menyinggung perasaan sesiapa. Oleh itu, mereka lebih gemar berkias sebagai salah satu cara untuk melahirkan isi hati. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan pendapat Sri Delima yang menyatakan:

“Bercakap dalam bahasa Melayu samalah seperti berjalan di atas titian tali. Silap cakap anda dikira kasar dan kurang ajar, iaitu anggapan yang menyentuh nama baik ibu bapa anda”.

(Sri Delima, 1981:29)

Za'ba seterusnya menyentuh salah satu daripada unsur bahasa yang terdapat dalam kiasan berbentuk peribahasa iaitu simpulan bahasa. Menurut beliau, terdapat sekurang-kurangnya empat asal kejadian simpulan bahasa iaitu;

1. Setengah telah terjadi pada asalnya dengan cara mengambil perbandingan atau kiasan daripada sesuatu cerita yang masyhur atau sesuatu kejadian yang luar biasa sehingga dibidalkan oleh orang misalnya “*Mat Jenin*”, “*dia itu Abu Lahab*”, dan sebagainya.
2. Setengahnya pula terbit daripada satu-satu kepercayaan orang ramai seperti “*harimau berantai*”, “*buruk siku*” dan sebagainya.
3. Setengahnya terjadi melalui bahasa kiasan daripada benda-benda yang biasa sahaja seperti “*istana rupa*”, “*kutu embun*”, “*buah mulut*” dan sebagainya.
4. Hanya daripada kebiasaan atau resaman bahasa semata-mata seperti “*ada hati*”, “*beri muka*” dan sebagainya.

Dalam mengklasifikasikan bahasa kiasan, Za'ba (1965:191) telah menyenaraikannya kepada 9 jenis yang utama iaitu:

- i. Kiasan Asal – Simile
- ii. Kiasan Berpindah – Metafora
- iii. Kiasan Per manusiaan – Personifikasi
- iv. Kiasan Berkacau
- v. Tamsil

- vi. Ibarat
- vii. Kias Ibarat (untuk prosa dan puisi)
- viii. Tamsil Ibarat
- ix. Cerita Ibarat – Fable

Walau bagaimanapun, kajian bahasa kiasan oleh Za'ba ini dilihat lebih tertumpu kepada kajian dalam penulisan kreatif seperti cerpen, novel, sajak dan drama. Dalam bidang penulisan kreatif, penggunaan bahasa kiasan merupakan satu gaya atau cara untuk mengungkapkan “sesuatu perkara dengan mengiaskan kepada lain-lain perkara sama ada dengan menyebut bandingan di antaranya atau dengan tidak menyebutkan bandingan lagi; tujuannya supaya menambah terang sesuatu yang dikatakan atau diceritakan dengan menguatkan maknanya” (Za'ba, 1965:190).

Seorang pencinta puisi dan nyanyian rakyat iaitu Aripin Said telah memperhalusi mesej yang terkandung dalam kiasan Melayu melalui pantun. Dalam kajian beliau, Aripin (1994:30) menyatakan bahawa terdapat lebih daripada 300 rangkap pantun yang masih diingat dan dihafal oleh masyarakat Melayu di Sri Lanka. Adalah didapati lebih kurang 50,000 orang Melayu mula menempatkan diri di pulau itu sejak kira-kira 200 tahun yang lalu namun asimilasi tidak pernah mengugat keperibadian masyarakat Melayu di situ. Menurut Aripin lagi, pelbagai tema dapat digarap daripada pantun yang diucapkan namun yang lebih menarik ialah kias ibarat yang terdapat dalam pantun yang diungkapkan itu. Kias ibarat yang dimaksudkan itu didapati tersangat halus dan mendalam maknanya. Ia dinyatakan dalam bahasa yang puitis serta mempunyai makna yang tajam. Antara pantun yang dimaksudkan itu ialah:

Jika terbang, terbanglah bangau,
Ikan senang beralih lubuk;
Jika kering, keringlah danau,
Hinggap mari dahan keduduk.

Menumbuk ada berantan tidak,
Antan ada kayu bentaling;
Mudik ada sampan tidak,
Sampan ada air dah kering.

Ke laut membeli barang,
Itik bertelur dalam jerami;
Laut terbakar menjadi terang,
Setitik air memadami.

Tarik api di dalam rabuk,
Rabuk berisi ketang-ketang;
Api menyala di dalam lubuk,
Ikan bermain di tengah padang.

Hujan panas lari ke hutan,
Keluar ke padang jemur padi;
Sisik emas tulang intan,
Mahukah makan pancing kami.

(Pelita Bahasa, April 1994:30)

Lima rangkap pantun di atas menggambarkan tentang nasib, sikap yang tidak berputus asa, untung tuah, kekuatan jiwa dan perasaan rendah diri yang menunjukkan bangsa yang menilai erti sopan santun serta tinggi keperibadiannya. Kias ibarat yang terdapat dalam pantun tersebut mengandungi maksud tersirat yang memperlihatkan kepada kita bahawa bangsa Melayu tidak pernah merasa angkuh atau tinggi diri. Justeru, inilah bangsa Melayu yang tulen iaitu mempunyai kekuatan jiwa dan peribadi bagi meneruskan kelestarian bangsanya.

Aripin (1991:38) turut melakukan kajian terhadap bidalan dan pepatah yang merupakan bahasa kiasan. Menurut beliau, bidalan dan pepatah ialah peribahasa yang terdiri daripada ungkapan-ungkapan ringkas dan bijaksana. Ia mempunyai

AS10789954

makna selapis namun kadang-kadang digunakan untuk menyatakan makna dua lapis. Makna selapis yang dimaksudkan itu merujuk kepada apa sahaja yang dikatakan oleh ungkapan-ungkapan dalam pepatah dan bidalan tersebut maka itulah maksudnya. Oleh yang demikian, pepatah dan bidalan agak sukar difahami lebih-lebih lagi ia mengandungi ungkapan yang ringkas dan padat. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan di antara bidalan dengan pepatah. Bidalan lebih kerap digunakan dan ia menunjukkan perbandingan dan teladan. Pepatah pula ringkas, padat dan menunjukkan kebijaksanaan serta pengajaran yang benar. Contoh bidalan atau pepatah yang mempunyai makna selapis atau dua lapis itu adalah seperti berikut:

- i. Makna selapis: Alah jadi abu menang jadi arang.
- ii. Makna dua lapis: Mandi di olak-olak, cakap di bawah-bawah.

Kajian mengenai kiasan Melayu turut dilakukan oleh Safian Hussain yang mengklasifikasikannya kepada dua bentuk yang utama iaitu kiasan bentuk peribahasa dan kiasan bukan peribahasa (Safian Hussain, 1988:907). Seterusnya, kiasan Melayu haruslah dilihat dalam konteks yang lebih luas iaitu bukan sahaja terbatas kepada bahasa yang berkias tetapi juga dalam bentuk-bentuk dan kumpulan yang lain seperti puisi dan alegori. Menurut Safian, kiasan terbahagi kepada dua jenis iaitu kiasan asal dan kiasan berpindah. Kiasan asal ialah kiasan yang menyatakan bandingan secara jelas dan menggunakan perkataan “*seperti*”, “*umpama*”, “*laksana*”, “*ibarat*”, “*bak*”, “*bagai*” dan sebagainya untuk menyatakan bandingannya. Antara contohnya termasuklah “*mukanya terserlah laksana bulan purnama*” atau “*matanya merah seperti biji saga*”. Kiasan berpindah pula ialah kiasan yang tidak menyebut bandingan dan terdiri daripada lapan jenis iaitu:

- i. Kiasan melarat
- ii. Kiasan bersandar
- iii. Kiasan terus
- iv. Kiasan berangkap
- v. Kiasan berbunga
- vi. Kiasan gayang atau pemanis
- vii. Kiasan melompat
- viii. Kiasan berkacau

Seterusnya, Safian Hussain mengkategorikan kiasan bentuk peribahasa kepada enam jenis iaitu perumpamaan, bidalan, tamsilan, pepatah, simpulan bahasa dan perbilangan. Beliau menjelaskan bahawa peribahasa bermaksud susunan kata yang pendek dan kelak menjadi percakapan orang Melayu semenjak beberapa lama disebabkan oleh sedap dan bijak kata-katanya, luas dan benar tujuan atau pengajarannya (Safian Hussain, 1988:247).

Dalam kajiannya, Safian telah membahagikan peribahasa kepada dua jenis iaitu peribahasa yang mempunyai makna selapis dan peribahasa yang mempunyai makna dua lapis. Peribahasa yang bermakna selapis terdiri daripada bidalan, tamsil, pepatah, simpulan bahasa dan perbilangan manakala perumpamaan tergolong sebagai peribahasa yang mempunyai makna dua lapis. Menyentuh tentang kiasan bentuk bukan peribahasa pula, Abdullah Hussain (1997:907) telah menggolongkannya kepada personifikasi, metafora dan hiperbola.

Seorang penulis sastera yang terkenal iaitu S. Othman Kelantan (1992) juga bersetuju bahawa penggunaan kiasan Melayu dapat menggambarkan budaya dan kehidupan masyarakat Melayu yang kaya dengan adap dan sopan serta halus budi pekertinya. Melalui peribahasa, orang Melayu digambarkan bagaimana halusnya cara mereka menyelesaikan masalah dalam keluarga, dalam masyarakat dan dalam peringkat negeri sekalipun. Malah dalam sesuatu pakatan, orang Melayu sangat berhati-hati sehingga kesannya tidak diketahui oleh orang ramai. Dengan kata lain,

kata-kata yang hendak digunakan perlu dipilah dan dipilih dengan cermat dan hati-hati supaya tidak menyinggung perasaan orang lain seperti kata pepatah “*sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa*”.

S. Othman Kelantan menjelaskan bahawa masyarakat Melayu pada masa dahulu sering mengingatkan diri mereka supaya tidak mengambil tindakan yang tergesa-gesa, tindakan yang dikuasai oleh sentimental dan emosi kerana ia akan memalukan seluruh keluarga, jabatan dan negara. Hal ini terungkap dalam simpulan peribahasa “*ayam terlepas tangan bau tahi*” yang mempunyai sindiran yang tajam iaitu matlamat yang dikehendaki tidak dapat dicapai malah kemudiannya mendapat celaan. Begitu juga dengan ungkapan “*seperti menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berserak*”. Kiasan Melayu ini cukup bermakna kerana ia mengingatkan kita supaya sesuatu pekerjaan yang rumit dan sulit itu mestilah dijalankan dengan penuh berhati-hati, teliti, berpandangan jauh, sabar, ikhlas dan memikirkan keputusan yang positif demi menjaga kepentingan semua pihak.

Sememangnya orang tua-tua kita banyak menyemaikan benih bijaksana dalam kiasan mereka bagi menjelaskan perilaku yang mulia, menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik dan menjaga hubungan dalam masyarakat. Justeru inilah kekayaan kita dalam tabiat sopan-santun, berperilaku yang elok dan tidak menghebohkan sesuatu masalah yang dapat memalukan bangsa Melayu itu sendiri. Apa yang penting bagi masyarakat Melayu ialah maruah dan martabat bangsa perlu dipelihara. Nilai pengertian peribahasa “*buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali*” adalah untuk memberikan keamanan dalam kehidupan bermasyarakat dan nilai ini lahir dalam masyarakat Melayu sejak dahulu lagi.

Masyarakat Melayu memiliki peribadi yang istimewa selain daripada terkenal dengan ciri-ciri ketimuran seperti lemah lembut, beradab dan berbudi bahasa. Zulkifli Hamid (1994:1038) menyatakan bahawa akal budi ialah satu entiti (keadaan) yang berkait rapat dengan aspek pemikiran atau daya berfikir. Akal budi merupakan wahana pemikiran dan juga wadah cetusan rasa. Bahasa sebagai alat penyerlah budi pernah ditekankan oleh Syed Muhammad Naquib, iaitu:

“Dapat juga direnungkan bahawa sebenarnya nahu sesuatu bahasa itu merupakan ontologi sesuatu kebudayaan, dan perkataannya sebagai mencorakkan konsep yang membina ontologi itu”.

(Syed Muhammad Naquib, 1990:39)

Berdasarkan bahasa yang digunakan, penilaian terhadap ketinggian atau kerendahan budi sesuatu kumpulan manusia itu boleh dibuat. Menurut Nasroen (1971:978), budi merupakan suatu ikatan yang erat dan halus dalam pergaulan hidup manusia. Ada kalanya ikatan budi lebih kuat daripada ikatan darah. Dalam hubungan ini, pantun seperti “*Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati*” begitu sinonim dengan masyarakat Melayu yang memberikan gambaran bahawa ikatan budi begitu utuh berbanding dengan nilai material. Begitu juga dengan kiasan Melayu yang lain seperti peribahasa dan simpulan bahasa yang banyak memancarkan gambaran hati budi masyarakat Melayu.

Masyarakat Melayu menganggap seseorang yang telah berbudi sebenarnya telah membuat jasa yang cukup besar dan budi tersebut perlu dibalas serta diingati sehingga ke akhir hayat. Justeru, lahirlah ungkapan seperti “*harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama*”. Melalui kata perbilangan ini juga, budi boleh disumbangkan secara material, tenaga, pekerti dan bahasa seperti mana yang berikut:

Material	:	Hati gajah sama dilapah, Hati kuman sama dicecah.
Tenaga	:	Berat sama dipikul, Ringan sama dijinjing.
Pekerti	:	Yang tua dimuliakan, Yang muda dikasihi.
Bahasa	:	Yang cantik itu budi, Yang indah itu bahasa.

Jamaliah Mohd. Ali (1999:610-611) telah melakukan kajian mengenai ketakterusan berbahasa dalam komunikasi di kalangan masyarakat Melayu. Beliau mendapati fenomena ini boleh memberikan gambaran tentang cara orang Melayu berdiplomasi. Ketakterusan komunikasi muncul dalam pelbagai bentuk termasuklah penggunaan citra seperti pantun, sindiran, camdik, perli dan penggunaan orang ketiga terutamanya dalam adat peminangan. Kajian ini mendapati orang Melayu begitu cenderung menggunakan bahasa tak terus dalam komunikasi kerana ingin mengelak daripada berlakunya konflik. Kepentingan bahasa tak terus dalam komunikasi dan diplomasi orang Melayu sejak beberapa tahun yang lalu telah pun dinyatakan oleh pengkaji budaya Melayu seperti Clifford dan Swettenham, dan Brown (1951) seperti mana di bawah:

“Seperti bahasa Perancis, bahasa Melayu merupakan bahasa diplomatik yang dapat menyelindungi perasaan dan pemikiran benar. Malahan, bahasa Perancis tidak berupaya menandingi kehalusan serta kelembutan yang terdapat dalam bahasa Melayu”.

(Brown, 1951)

2.2 Kiasan Melayu Lambang Pemikiran Kreatif dan Kebijaksanaan Masyarakat Pendukungnya

Sistem pemikiran bermula daripada Allah s.w.t. sebagai Khaliq. Allah telah mencipta manusia sebagai makhluk yang mempunyai pemikiran yang tersendiri. Manusia perlu mempunyai ilmu iaitu pemikiran logik dan pemikiran lateral untuk menjalankan peranan sebagai khalifah di muka bumi ini.

Masyarakat Melayu tradisional sangat mementingkan kualiti ‘akal’ yang bersinonim dengan ‘pemikiran’ atau ‘fikiran’. Justeru itu, fikiran yang bersih akan melahirkan manusia yang berakhhlak mulia begitu juga sebaliknya. Nabi Muhammad (Hamka, 1998:134) pernah bersabda bahawa “tiap-tiap sesuatu di dalam alam ini ada batas perjalanannya kecuali akal. Adapun manusia bertingkat-tingkat di dalam darjat akalnya laksana darjat wangi daripada bunga-bunga”. Ini bermakna akal dapat membezakan mana yang baik dan yang buruk, mengagih-agihkan sesuatu pekerjaan, menyelidiki hakikat dan kejadian sesuatu matlamat dalam kehidupan di dunia ini.

Menurut Khazriyati Salehuddin (2000:1222), bahasa kiasan yang digunakan adalah berkait rapat dengan sistem kognitif (pemikiran). Dalam domain ‘bahasa sebagai indeks’, bahasa sesebuah masyarakat itu dipercayai boleh memperlihatkan cara anggota masyarakat berkenaan berfikir serta mengaturkan pengalaman mereka. Sebagai contoh, fenomena tidak berterus-terang (*indirectness*) merupakan prinsip penting dalam masyarakat Melayu. Tema inilah yang mengawal tingkah laku dalam budaya masyarakat Melayu dan terkandung dalam sistem bahasa Melayu (Teo Kok Seong, 1997:243). Dalam hubungan ini, penggunaan bahasa kiasan tidak dilakukan secara rambang tetapi didorong oleh faktor yang aktif (terutama yang dipengaruhi oleh pengalaman) yang wujud dalam pemikiran penggunanya.

Pemikiran juga merupakan manifestasi kebijaksanaan sesuatu masyarakat yang biasanya disalurkan kepada umum melalui bahasa. Cetusan pemikiran bermula daripada persepsi, iaitu kebolehan dalam memahami alam melalui ketajaman pancaindera dengan membuat bayangan dalam hati terhadap sesuatu yang berlaku. Seterusnya persepsi akan menghasilkan konseptualisasi. Dalam hal ini Asmah Haji Omar (1988:4) pernah menyatakan bahawa “manusia menggunakan lambang bahasa untuk merakamkan fikiran dan pengalamannya”. Dalam konteks bahasa kiasan, keindahannya terletak pada pemilihan unsur-unsur yang membinanya iaitu yang diambil daripada alam sekitar seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Pemilihan kata atau diksi dalam bahasa kiasan tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya sebaliknya diwujudkan hasil daripada pengamatan dan ketepatan makna yang didukungnya. Ini menunjukkan terdapat satu kesatuan yang utuh antara bahasa dengan sosiobudaya yang diwujudkan hasil proses kognitif masyarakat Melayu. Dalam hal ini, Puteri Roslina Abdul Wahid (1994:326) menjelaskan bahawa:

“Proses mengobjektifkan alam semula jadi melalui bahasa dan melalui kognisi manusia yang mempunyai bentuk, rentak, alunan dan sifatnya yang tersendiri yang menggunakan segala yang ada dalam pemikiran untuk melahirkan sesuatu yang halus, murni dan penuh makna merupakan satu seni”.

(Puteri Roslina Abdul Wahid, 1994:326)

Hakikat ini dapat dilihat dengan jelas pada bahasa kiasan khususnya peribahasa yang dihasilkan iaitu yang menunjukkan hubungan erat masyarakat Melayu dengan alam sekitarnya. Elemen-elemen daripada alam sekitar inilah yang diolah dan disusun menjadi bahan perbandingan dengan tingkah laku atau cara hidup masyarakat Melayu. Kata-kata yang digunakan dalam peribahasa Melayu yang

berkait rapat dengan alam sekitar dapat membantu orang yang ditujukan peribahasa itu memahaminya dengan lebih mudah. Di samping itu, pemilihan elemen daripada alam sekitar juga memperlihatkan kepandaian dan kekreatifan orang Melayu menghasilkan bahasa kiasan yang dapat menyampaikan mesej dengan berkesan, indah susunan dan tepat pilihan katanya (Mhd. Amin Arshad, 2001:75).

S. Othman Kelantan (1992) menjelaskan keintelektualan sesuatu bangsa lazimnya dilihat dalam khazanah seni kesusastraan rakyat bangsa itu. Seni kesusastraan yang menggambarkan ketinggian pemikiran itu terungkap dalam bentuk peribahasa, pantun, teka-teki dan dalam cerita rakyat. Kebudayaan bahasa itu dapat membawa ilmu yang begitu mengagumkan apabila disingkap dengan teliti dalam ungkapan-ungkapan pendek seperti “*menarik rambut dalam tepung; rambut jangan putus, tepung jangan berserak*” dan ungkapan “*air pun tidak berkocak*”. Apabila “rambut” dapat ditarik dari dalam tepung dan “air pun tidak berkocak” maka ternyata sesuatu pekerjaan dapat dilaksanakan serta diselesaikan dengan sebaik mungkin. Semuanya ini tergambar dengan indahnya dalam khazanah pemikiran bangsa Melayu kita sebagai lambang kebijaksanaan dan ketelitian.

Dayang Aini Haji Karim (2000:130) menyatakan bahawa bahasa yang berlainan menggambarkan cara berfikir yang berlainan. Melalui bahasa, kita akan dapat mengenal hati budi sesuatu masyarakat itu. Dayang seterusnya menghubungkaitkan kenyataannya dengan pepatah lama yang mengatakan bahawa “*dikenal pokok daripada buahnya, dikenal bangsa daripada bahasanya*” ataupun “*bahasa menunjukkan bangsa*”. Menurut Dayang, ramai orang akan menganggapnya sebagai peribahasa yang sudah lapuk atau ketinggalan zaman. Sebaliknya, jika diamati dengan lebih teliti akan terlihat kebenarannya iaitu daripada

bahasalah kita akan mengenali budaya sesuatu bangsa atau masyarakatnya. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Za'ba (1964) yang menegaskan bahawa jika kita ingin melakukan kajian terhadap sesuatu bahasa, kita haruslah faham akan selok-belok bahasa dan budaya masyarakat penutur itu sendiri. Ini kerana bahasa yang diterima pakai oleh masyarakat tersebut adalah tersendiri dan bersifat pragmatik iaitu mengandungi maksud tertentu.

Dalam kiasan Melayu, terdapat ungkapan seperti "*pukul anak sindir menantu*" yang mengandungi maksud tersirat dan sindiran tajam. Dalam hal ini, kita harus pandai menterjemahkan makna kiasan tersebut kerana ia mempunyai peranan penting. Ungkapan "*pukul anak sindir menantu*" memberikan peringatan kepada masyarakat supaya berhati-hati apabila ingin memberikan teguran atau kritikan apatah lagi jika orang yang ingin ditegur itu adalah disegani. Oleh yang demikian, sindiran atau kiasan bolehlah digunakan sebagai suatu cara untuk menyampaikan maksud. Dalam masyarakat yang berpegang kuat kepada adat, 'menantu' biasanya merupakan ahli keluarga yang disegani oleh ibu dan bapa serta seluruh ahli keluarganya. Oleh itu, teguran terhadap menantu tidak boleh dibuat secara terus terang sebaliknya perlu disampaikan secara halus.

Norhashimah Jalaluddin (1988:820-830) dalam penulisannya bertajuk "Bahasa Melayu Sebagai Bingkai Pemikiran Masyarakat Melayu", menjelaskan bahawa peribahasa dapat dikaitkan dengan pengamatan (persepsi) orang Melayu terhadap alam sekitar. Peribahasa bukan sahaja dijadikan pengajaran dan teladan malahan mengandungi ilmu saintifik yang menyangkut hukum graviti, hidrologi (kajian tentang air), botani (kajian tentang tumbuh-tumbuhan), hukum alamiah,

fisiologi (kajian yang berkaitan dengan fungsi benda-benda hidup atau organisma), genetik, logik dan sebagainya seperti mana yang ditunjukkan dalam rajah 1.

Menurut Norhashimah lagi, orang Melayu tidak lari daripada alam sekeliling mereka sendiri dalam membentuk peribahasa. Masyarakat Melayu dilihat lebih gemar mengambil contoh terdekat hasil daripada pengalaman dan penelitian terhadap alam sekeliling. Justeru, ia menggambarkan pemikiran masyarakat Melayu yang tajam, menyerlahkan perwatakan yang kreatif, aktif, peka terhadap alam dan segala fenomena kehidupan serta tidak gopoh. Di samping itu, masyarakat Melayu juga telah membuat pengkajian makna dan penghalusan makna bagi kata yang ada kaitannya dengan bahasa, pemikiran dan budaya penutur Melayu. Contohnya, perkataan *bawa* mempunyai pengelasan makna yang lebih halus seperti *julang*, *junjung*, *kandar*, *pikul*, *usung*, *tatang*, *bimbit*, *jinjing*, *cang* dan *gonggong*. Norhashimah seterusnya telah memberikan pecahan yang khusus kepada perkataan-perkataan tersebut dengan mengaitkannya kepada anggota badan iaitu:


<i>bawa</i>	
kepala	- <i>junjung, julang</i>
bahu	- <i>kandar, pikul, usung</i>
tangan	- <i>tatang, bimbit, jinjing</i>
belakang badan	- <i>dukung, cang</i>
mulut	- <i>gonggong</i>

Norhashimah juga mengkritik pendapat Winstedt (1950) yang mendakwa bahawa kebanyakan peribahasa yang dihasilkan oleh orang Melayu lebih menyangkut kepada alam sekitar bersesuaian dengan kehidupan orang Melayu yang menjadikan alam sebagai sumber rezeki. Dalam kritikannya, Norhashimah mendakwa kajian yang dibuat oleh Winstedt tidak menyeluruh dan hanya setakat menyenaraikan sejumlah peribahasa Melayu sedangkan terdapat banyak peribahasa Melayu yang mengandungi ilmu saintifik. Begitu juga dengan kajian Tham Seong

Chee (1977) yang menyimpulkan bahawa peribahasa Melayu melambangkan pemikiran masyarakat Melayu yang bersifat kekampungan. Norhashimah menyangkal dakwaan Tham dengan menegaskan bahawa kajian teliti yang dilakukan oleh beliau cukup membuktikan bahawa orang Melayu bukan sahaja menonjolkan objek alam tetapi juga menyangkut hal ilmiah di samping terselit mesej dan pengajaran seperti mana yang ditunjukkan dalam rajah 1.

Pengkaji turut bersetuju dengan pandangan Norhashimah bahawa kepekaan masyarakat tradisional terhadap manusia dan alam sekelilingnya adalah sangat mengagumkan. Menurut Aripin Said (1992:47), kiasan-kiasan yang dicipta bukan sahaja menunjukkan kebijaksanaan tetapi turut memperlihatkan kemahiran berfikir. Misalnya, perumpamaan “*terkilat ikan jala pun sampai*” jelas menunjukkan kemahiran penciptanya. Secara mudahnya, ungkapan tersebut membayangkan kecekapan seorang penjala yang bijak iaitu bukan sekadar menjala secara rambang tetapi dapat menjala apabila melihat kilatan ikan yang bermain di dalam air. Ini juga membuktikan bahawa kemahiran berfikir dan kemahiran bertindak banyak memberikan manfaat dalam kehidupan. Sememangnya, keintiman masyarakat tradisional terhadap alam semula jadi bukanlah satu perbuatan yang sia-sia sebaliknya dapat membijaksanakan lagi cara berfikir. Tuntasnya, kita perlu mempunyai sikap ‘*value free*’ dan mengikis sikap ‘*pre-determination*’ apabila mengkaji sesuatu masyarakat agar lebih terbuka dan rasional dalam melakukan penilaian.

Rajah 1: Ilmu Saintifik dalam Kata Perbilangan



(Sumber: Norhashimah Jalaluddin, 1988:823)

Tafsiran Norhashimah bahawa kata perbilangan mengandungi ilmu saintifik adalah tepat dan benar. Kata ilmu saintifik ini boleh dilihat dengan mengambil contoh khusus dalam peribahasa yang merangkumi bidang-bidang berikut:

- | | |
|----------------|---|
| Hidrologi | <ul style="list-style-type: none"> - seperti aur dengan tebing - air dicincang tidak akan putus |
| Ekonomi | <ul style="list-style-type: none"> - berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak - tiada rotan akar pun berguna |
| Hukum Alamiah | <ul style="list-style-type: none"> - bertepuk sebelah tangan takkan berbunyi - bagai aur ditarik songsang - siapa makan nangka, dialah terkena getahnya - tanam lalang tidak akan tumbuh padi - siapa makan cabai, dialah merasa pedas |
| Genetik | <ul style="list-style-type: none"> - bapak borek anak rintik - bagaimana acuan begitulah kuihnya |
| Fisiologi | <ul style="list-style-type: none"> - gigi dan lidah adakalanya tergigit juga - cubit paha kiri paha kanan terasa |
| Botani | <ul style="list-style-type: none"> - takkan pisang berbuah dua kali - kalau asal benih baik, jatuh ke laut menjadi pulau - baik membawa resmi padi, makin berisi makin tunduk, jangan membawa resmi lalang, makin lama makin tinggi |
| Graviti | <ul style="list-style-type: none"> - kalau sepohon kayu banyak akarnya lagi teguh, apa ditakutkan ribut? - daun dapat dilayangkan, getah jatuh ke perdu juga |
| Ilmu Matematik | <ul style="list-style-type: none"> - di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. |
| Logik | <ul style="list-style-type: none"> - anjing menyalak bukit tidaklah runtuh |

Seorang pengkaji bahasa, Ahmad Samin Siregar (2000:178) telah membuat kajian ke atas masyarakat Melayu Sumatera Timur. Beliau mendapati masyarakat tersebut menggunakan bahasa Melayu khususnya peribahasa, perumpamaan dan ungkapan untuk menunjukkan cara berfikir dan arah panduan dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu, ia mempunyai hubungan dengan nilai agama, keyakinan, pendidikan, ilmu pengetahuan, nilai hukum, kekuasaan, pandangan masa depan, perdagangan dan sikap manusia. Peribahasa, perumpamaan dan ungkapan yang digunakan itu adalah seperti berikut:

- i. *Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah*

Ungkapan ini menggambarkan jalan fikiran masyarakat Melayu Sumatera Timur bahawa hak asasi manusia sudah lama mereka laksanakan dibandingkan dengan suku bangsa lain di Nusantara ini. Rakyat akan patuh pada raja jika raja itu adil tetapi rakyat akan menentang raja jika zalim.

- ii. *Taat pada petuah, setia pada sumpah, mati pada janji, mlarat pada budi*

Perumpamaan ini menggambarkan jalan fikiran masyarakat Melayu Sumatera Timur yang mengutamakan budi dan bahasa untuk menunjukkan sopan santun dan tingginya peradaban Melayu.

- iii. *Harga garam pada asinnya, harga manusia pada malunya, tanda perang pada hulunya, tanda orang pada malunya*

Ungkapan ini menggambarkan orang-orang Melayu Sumatera Timur sangat menjaga budaya Melayu yang mementingkan “rasa malu”. Budaya malu inilah yang perlu dijaga agar tidak menimbulkan sifat yang buruk dan tidak terpuji. Individu yang mempunyai perasaan malu lebih dihargai dan dipandang tinggi oleh masyarakat.

Mohd Adnan Mohd. Ariffin (1953:276) menyatakan “*herbunyilah bahasa diketahui bangsa*”. Sememangnya, daya pemikiran dan keintelektualan sesuatu bangsa itu terpancar dalam bahasanya. Menurut Muhammad Haji Salleh (1986:47), bangsa yang kuat ialah bangsa yang dapat menjawab soal-soal besar seperti hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan alam dan manusia dengan manusia sendiri. Pemikiran ini mendasari nilai keadilan, persatuan dan persefahaman sesama anggota masyarakat. Tanpa nilai-nilai itu, tidak mungkin wujud sesebuah masyarakat atau tamadun yang utuh dan berkeperibadian. Dalam hubungan ini, Amat Juhari Moain (2001:63) menjelaskan bahawa dalam kehidupan manusia nilai itu menentukan sesuatu tindakan yang bakal dilaksanakan oleh seseorang, sesuatu kumpulan atau sesuatu bangsa. Nilai adalah tenaga yang dapat mengintegrasikan masyarakat seperti nilai beragama, nilai ekonomi dankekayaan, nilai sistem sosial dan kehidupan bermasyarakat, nilai kepemimpinan, nilai terhadap lelaki dan perempuan, nilai adat dan nilai budi bahasa.

Demikianlah kita melihat satu suasana tentang kebijaksanaan anggota masyarakat Melayu memanipulasikan lingkungan budayanya. Mereka bukan sahaja bijak berfikir untuk menyampaikan maksud tetapi juga bijak berfikir dalam memberikan jawapan yang tepat. Perbendaharaan peribahasa Melayu menunjukkan bahawa memang keseluruhan peribahasa yang ada membijaksanakan pemikiran. Maksud disampaikan dengan kias dan ibarat supaya orang yang dilawan berkata-kata tidak terasa kekasaran percakapan. Segala yang hendak disampaikan pula dapat diterima dengan mudah tetapi memberi kesan yang mendalam.

2.3 Peranan Bahasa dalam Bidang Pengucapan Awam

Manusia berkomunikasi atau menyampaikan fikirannya menerusi pelbagai kaedah termasuk menggunakan perlambangan seperti melalui lukisan, ukiran, kod Morse dan siulan. Lukisan dan ukiran misalnya menjadi landasan penceritaan yang berkesan bagi manusia purbakala mencatatkan nilai atau corak kehidupan dan kepercayaan mereka. Bagaimanapun, bahasa memiliki kelebihan berbanding perlambangan kerana sistemnya yang luwes sehingga mudah diperkembangkan bagi memenuhi keperluan terkini. Menghuraikan sifat keluwesan bahasa, Fang (2001:7) telah memetik kenyataan Asmah Omar yang berkata, “daripada sistem sedia ada, penutur boleh menggubal butir bahasa baru, sesuai dengan peredaran zaman selain memenuhi keperluan masyarakat”. Dalam bahasa Melayu terdapat ungkapan baru seperti “*rumah mampu milik*” yang baru diperkenalkan. Walaupun ungkapan tersebut terbina daripada unsur sedia ada iaitu rumah, mampu dan milik namun ia menepati kehendak maksud.

Menurut Fang lagi, Asmah ada menyentuh fungsi representasional dan fungsi ideasional yang terdapat dalam bahasa. Fungsi representasional bertindak dalam mewujudkan lambang bahasa yang dikaitkan kepada benda yang ditujukan sama ada konkret atau abstrak. Melalui fungsi itu, bahasa menjadi alat komunikasi, mempersepsi alam sekeliling dan alat berfikir. Menerusi fungsi ideasional pula, bahasa dilihat sebagai lambang kebanggaan penutur dan lambang taat setia kepada negara. Teo Kok Seong (1998:41) pula mengaitkan fungsi bahasa dengan kuasa yang ada pada bahasa untuk membentuk persepsi. Menurut beliau, kuasa bahasa boleh ditakrifkan sebagai bentuk dan penggunaan bahasa yang boleh mempengaruhi minda pihak-pihak lain dalam membentuk persepsi mereka terhadap sesuatu yang

diperkatakan, membentuk dan memperlihatkan sikap dan menukar realiti seperti pada kes-kes magis, rayuan dan bujukan.

Bahasa merupakan alat komunikatif yang utama dalam pergaulan manusia dan alat utama untuk merepresentasikan fikiran dan perasaan seseorang. Tanpa bahasa, komunikasi tidak mungkin berjalan dengan lancar. Ini kerana komunikasi wujud melalui kefahaman dan tanpa kefahaman komunikasi tidak akan wujud dengan baik. Bahasa jika dilihat dari segi fungsinya bukan hanya merupakan suatu unsur pencerna budaya tetapi juga merupakan suatu wadah pencerna pemikiran sesuatu bangsa (Awang Mataim Bakar (2000:117).

Dalam bidang pengucapan awam, soal bahasa tidak terkecuali daripada menjadi perhatian baik kepada pengucap maupun pendengar. Penggunaan bahasa dan pemilihan perkataan yang berkesan tentunya dapat memantapkan hujah-hujah yang ingin disampaikan selain daripada mencerminkan keperibadian pengucap. Justeru, ungkapan yang berbunyi “*bahasa menunjukkan bangsa*” bagaikan suatu peringatan kepada pengucap supaya menggunakan bahasa sebaik mungkin. Sesuatu ucapan itu mungkin akan hilang serinya jika bahasa yang digunakan itu bersifat kasar, menyinggung perasaan dan tidak menarik.

Kajian-kajian terdahulu lebih menjurus kepada teknik-teknik seperti idea yang ingin disampaikan, teknik bahasa badan, mengawal kegugupan dan menganalisis khalayak. Biarpun, elemen bahasa dan gaya bahasa merupakan salah satu komponen penting dalam pengucapan awam namun aspek ini tidak disentuh secara mendalam. Oleh yang demikian, pengkaji akan menunjukkan bagaimana penggunaan kiasan Melayu boleh menghasilkan ucapan yang unggul sifatnya.

Kemahiran berkomunikasi ialah kemahiran menggunakan bahasa untuk menimbulkan kesan-kesan positif ke atas hubungan sesama manusia. Salah satu tujuan manusia berkomunikasi ialah hendak mempengaruhi orang lain supaya menerima ideanya, memujuk dan mengubah sikap mereka. Oleh yang demikian, pengucap perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi supaya dipandang dengan cara yang positif oleh pendengar. Dalam hubungan ini, bahasa merupakan satu unsur jarak psikologi yang besar pengaruhnya dan boleh menjadikan jurang jarak psikologi semakin rapat ataupun semakin luas. Bagi menghapuskan jarak psikologi itu maka pengucap haruslah menggunakan bahasa yang boleh diterima oleh orang-orang yang hendak dipengaruhi. Ini termasuklah menggunakan gaya bahasa positif supaya dapat mempengaruhi pendengar dengan mudah (Abdullah Hassan, 2001:114-117). Justeru, penggunaan kiasan Melayu dalam ucapan merupakan antara gaya bahasa positif yang boleh diterima dan mampu mempengaruhi pendengar.

Menurut Ahmad Mahmood Musanif (2001:13), bahasa digunakan dalam komunikasi untuk menyatakan atau menghuraikan sesuatu perkara di samping berjanji, menempelak, menyatakan persetujuan, mengkritik dan sebagainya. Sewaktu berkomunikasi, pengucap sebenarnya sedang melakukan satu lakuan pertuturan seperti membuat pernyataan, memberi perintah, menanyakan soalan, membuat janji dan lain-lain lagi. Pada hakikatnya, bahasa mempunyai daya pengucapan yang tinggi dalam bentuk logik yang tepat untuk melahirkan maksud-maksud tentang sebab akibat, tindak tanduk, perubahan dan pergerakan, sifat-sifat yang dinamik dan statik, arah pengalaman serta perasaan. Ini menunjukkan hubungan fikiran dengan bahasa begitu rapat dan bahasa boleh mempengaruhi sesuatu tindakan (Awang Mataim Bakar, 2000:117).

Mohd. Hamdan Adnan (1993:222) pula menyatakan bahawa pengucapan awam adalah suatu bentuk komunikasi bersemuka yang amat berkesan untuk menyampaikan penerangan atau pemujukan. Seseorang pengucap itu perlulah mempertingkatkan kemahiran ucapan awamnya dan menguasai teknik-teknik berucap di depan orang ramai atau khalayak sasarannya. Berucap di khalayak ramai adalah suatu perkara yang digeruni oleh kebanyakan orang dan ramai yang beranggapan bahawa kepetahan bercakap ini adalah suatu kebolehan semula jadi. Walau bagaimanapun, Hamdan menyatakan bahawa tanggapan ini adalah salah kerana untuk menjadi seorang pengucap yang mantap ia memerlukan banyak latihan dan bukan sekadar mempunyai kebolehan.

Mohd. Hamdan (1993:224) juga menegaskan bahawa tidak ada cara yang paling tepat untuk menyampaikan ucapan awam. Ia bergantung kepada idea yang ingin disampaikan, khalayak ucapan tersebut dan lain-lain lagi. Seterusnya, beliau menyentuh proses-proses pengucapan awam iaitu suatu kaedah perutusan yang melibatkan kegiatan manusia menghantar dan menerima maklumat. Pengucapan awam yang berkesan akan membolehkan pengucap dan khalayaknya saling berinteraksi. Apabila lebih banyak interaksi maka lebih berjayaalah ucapan tersebut. Oleh itu beliau telah mengemukakan empat langkah bagi meningkatkan interaksi iaitu:

- (a) Pengucap mestilah memberi perhatian dan pertimbangan yang wajar kepada setiap reaksi atau maklum balas pendengar.
- (b) Pengucap mestilah berusaha sepenuhnya memastikan bahawa pendengarnya memahami dengan jelas dan tepat ucapannya.

(c) Pengucap mestilah dapat mengubah suai persembahannya menurut suasana atau keadaan ucapannya disampaikan.

(d) Pengucap mestilah mengutamakan kepentingan atau minat pendengarnya daripada kehendaknya sendiri.

Sulaiman Masri (1997:9) menjelaskan bahawa komunikasi pertuturan yang paling formal ialah syarahan atau pidato umum. Pidato ini dilakukan untuk menghasilkan kesan khusus terhadap khalayak sekaligus mempengaruhi mereka supaya menumpukan perhatian kepada hujahan pengucap. Oleh yang demikian, pemidato perlu mengatur dan menyampaikan idea dengan baik dan menyakinkan. Persempahan lisan yang baik biasanya disusun dengan baik. Ini kerana keseluruhan kesan bergantung bukan sahaja pada apa yang diucapkan tetapi pada cara ia diucapkan iaitu penyampaian. Penyampaian yang baik merupakan kejelasan dalam ucapan dan disampaikan pada jangka masa yang sesuai. Ia juga melibatkan suara dan gerak tubuh yang berbagai-bagai dan menurut kewajaran.

Menurut Sulaiman lagi, pengucap hendaklah memastikan ucapannya dapat disampaikan dengan lancar dan harus mampu menyebut perkataan dengan betul dan jelas. Manakala frasa dan kombinasi kata hendaklah tidak menyimpang daripada tatabahasa yang betul. Kombinasi lisan yang berkesan sememangnya memerlukan kombinasi perancangan, penyediaan, peraturan, latihan dan kekreatifan serta saling melengkapi. Kenyataan Sulaiman ini agak selari dengan pandangan yang diberikan oleh Ahmad Samin Siregar (2000:168) iaitu setiap orang perlu menggunakan bahasa sebaik mungkin ketika berkomunikasi supaya dapat menggambarkan fikiran pengucap yang jernih dan teratur. Ini kerana bahasa yang rumit dan tidak teratur

akan menyebabkan orang yang diajak berkomunikasi menjadi bingung dan tidak mengerti.

Ahmad Samin Siregar (2000:172) menegaskan lagi, bahasa merupakan sebahagian daripada kebudayaan manusia tetapi untuk menggunakannya dengan teratur dan sempurna ia memerlukan ketramplian berbahasa yang hanya akan diperolehi melalui latihan dan kebiasaan (habitualisasi). Untuk menyampaikan suatu gagasan, konsep ataupun idea secara lahiriah ia kelihatan begitu mudah tetapi realitinya adalah sulit dan kompleks. Ini berlaku kerana terdapatnya jalinan kemampuan berfikir dan kemampuan berbahasa ketika ingin melahirkan gagasan, konsep ataupun idea tersebut. Seterusnya, Ahmad Samin merujuk kepada hipotesis Sapir-Worf (Edward Sapir dan Benjamin Lee Worf) bagi menjelaskan tentang hubungan bahasa dan fikiran. Menurut hipotesis ini, bahasa mempengaruhi cara berfikir dan bertindak anggota masyarakat penuturnya serta mencakupi dua hala iaitu:

- i. Masyarakat-masyarakat linguistik yang berbeza merasakan dan memahami kenyataan dengan cara-cara yang berbeza.
- ii. Bahasa yang digunakan dalam sesuatu masyarakat membantu untuk membentuk struktur kognitif para individu pengguna bahasa tersebut.

Bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam proses komunikasi atau pengucapan awam kerana ketepatan bahasa menentukan proses penyampaian dan penerimaan mesej. Bahasa yang tepat akan menghasilkan mesej yang tepat serta merupakan inti komunikasi yang berkesan. Menurut Mohamad Md. Yusoff (1993:36), dalam tulisannya “Bahasa dan Komunikasi:Satu Tinjauan”, bahasa bukan sahaja pembawa imej tetapi juga sebagai alat untuk menyampaikan makna yang

ingin dikemukakan sama ada melalui bunyi mahupun secara bertulis. Justeru, tidak hairanlah jika bahasa dilihat sebagai satu sistem simbol yang berkait rapat dengan penggunanya serta mampu mengekod dan mendekod mesej. Oleh yang demikian, bahasa merupakan satu unsur yang kompleks dalam proses komunikasi.

Kegiatan berkomunikasi dikatakan menjadi satu kegiatan yang amat kompleks bukan sahaja pada makna yang tersedia pelbagai ragam bahkan pentafsiran bahasa juga menjadi pelbagai ragam. Sebagai contohnya, perkataan ‘lawa’, bagi orang di Semenanjung bermaksud cantik sedangkan di Sarawak ‘lawa’ bermaksud sompong. Begitu juga yang berlaku pada makna perkataan ‘tandas’ yang berlainan daripada makna ‘toilet’ dan ‘restroom’. Di Malaysia, perkataan ‘tandas’ atau ‘toilet’ merujuk kepada ‘bilik air’. Hal ini ternyata berbeza di Barat yang menggunakan bahasa English di mana pengguna bahasa versi British jarang-jarang menggunakan perkataan ‘toilet’ sebaliknya lebih terkenal dengan istilah ‘water closet’ manakala versi Amerika menggunakan istilah ‘water closet’ atau ‘restroom’. Fenomena ini secara tidak langsung telah menyebabkan keragaman makna dan bahasa di mana istilah ‘water closet’ dan ‘restroom’ jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu membawa maksud ‘simpanan air’ dan ‘bilik rehat’ yang sama sekali berbeza daripada maksud ‘tandas’ atau ‘toilet’.

Pemberian makna atau pentakrifan boleh berbentuk stipulasi ataupun reportif (leksis). Takrif stipulasi bermaksud menentukan makna yang ingin disampaikan bagi sesuatu perkataan. Sementara takrif reportif pula bermaksud melaporkan makna sesuatu perkataan berdasarkan apa yang dimaksudkan oleh pengguna bahasa itu. Takrif stipulasi jarang mengizinkan salah tafsir kerana kita yang memberi maknanya tetapi takrif reportif boleh menjadi salah jika tidak menepati dengan sesuatu yang

digunakan oleh pengguna bahasa berkenaan. Dalam hal ini, penggunaan ungkapan dan analogi dikatakan akan memudahkan dan meningkatkan kefahaman namun penggunaannya hendaklah berhati-hati. Sebagai contohnya, ungkapan “*Finger licking good*” menyatakan sedap dalam budaya Inggeris tetapi mengandungi makna yang tersirat dalam budaya Melayu. Oleh yang demikian, pengguna bahasa harus peka terhadap penerimaan dan penolakan budaya sesuatu masyarakat.

Kiasan Melayu bukan sekadar mempunyai makna literal tetapi apa yang lebih penting ialah maksud tersirat di sebalik makna literal tersebut. Maksud tersirat inilah yang perlu diketengahkan kerana terdapat mesej, pengajaran dan pendidikan yang sangat berguna kepada generasi muda hari ini. Selain itu, fungsi-fungsi yang terdapat pada kiasan Melayu dapat membentuk satu tamadun bangsa yang patuh kepada norma-norma masyarakat. Pemikiran yang rasional dan intelektual diperlukan untuk membentuk masyarakat yang ideal kerana cara berfikir anggota masyarakat akan menentukan pola bagi sistem sosial masyarakatnya.

Demikianlah kita melihat sesuatu yang amat menarik dalam kiasan Melayu dan hubungannya dengan kehidupan masyarakat Melayu baik yang silam mahupun yang ada sekarang. Kiasan Melayu tetap tidak luntur dan segala yang digambarkannya adalah refleksi kehidupan masyarakat itu sendiri. Penciptaan kreatif kiasan Melayu membuktikan bahawa bahasa bukan hanya berfungsi sebagai wahana komunikasi malah bahasa juga mencerminkan pengetahuan seseorang terhadap peradaban dan etika berbahasa. Nilai-nilai positif yang terdapat dalam kiasan Melayu mampu membentuk peribadi tamadun bangsa yang bersopan, berbudi, bijaksana dan perkasa untuk menghadapi arus globalisasi yang semakin mencabar ini.